

UM, USM, UUM, Kolej Inti hebat

Oleh SAHLIZAH MOHAMED

sahlizah.mohamed@kosmo.com.my

EMPAT Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengetepikan cabaran 33 lagi IPT yang lain untuk menempah slot ke saingan separuh akhir Kejohanan Ping Pong IPT 2010 bagi merebut Piala Timbalan Menteri Pengajian Tinggi yang berlangsung di Dewan Cina Chung Hwa, Kluang, semalam.

Tiga daripadanya ialah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM), manakala Kolej Inti mewakili satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTs) yang layak dalam kejohanan yang bermula kelmarin hingga esok.

Dalam saingan separuh akhir hari ini, USM yang menawarkan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam saingan suku akhir semalam akan bertemu Kolej Inti, manakala UM yang membenam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan membuat perhitungan dengan UUM.

Terdahulu, kejohanan yang diadakan buat julung-julung kalinya itu telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr. Hou Kok Chung.

Ia mendapat penyertaan yang sangat menggalakkan membabitkan kira-kira 450 pemain dan pegawai IPT.

Menurut Kok Chung, beliau amat berbangga kerana Kluang dipilih menjadi tuan rumah bagi kejohanan itu dan menyifatkan bilangan pa-

sukan yang bertanding merupakan yang terbesar dalam sejarah pertandingan ping pong negara.

"Tidak salah jika kita masih beranggapan bahawa ping pong ialah permainan masyarakat Cina, namun kejohanan kali ini membuktikan sebaliknya. Saya telah dimaklumkan daripada 270 pemain, 170 terdiri daripada kaum Melayu berbanding 90 kaum Cina dan selebihnya ialah India.

"Ini adalah perkembangan yang membanggakan kerana ping pong semakin mendapat tempat di hati masyarakat lain," katanya semasa merasmikan kejohanan tersebut semalam.

Tambahnya, kerajaan telah menyediakan dana lebih RM3 juta untuk ditawarkan sebagai biasiswa kepada pelajar IPT yang aktif sukan.



BANGGA...barisan pemain UM yang berjaya menempah tempat ke pusingan separuh akhir.